

Newspaper	Berita Minggu
Date	13/5/2012

4 | rona AHAD, 13 MEI 2012

rencana

Oleh Sani Kamarudzaman
sani@bharian.com.my

"JANGAN sampai kita lupa-kan. Kalau boleh saya tak mahu lagi bercakap mengenainya dan berdoa tidak akan mengharunginya sekali lagi," kata Lim, 60-an, pemilik Kedai Bunga Seang Ling Yuan di kompleks Pasar Jalan Raja Bot yang menjalankan perniagaan menjual serta mengubah bunga segar lebih 20 tahun lalu.

Pada hari kejadian tragedi menggemparkan negara itu, Lim baru saja berusia pertengahan 20-an dan berkerja sebagai jurujual pakaian bayi dan kanakkanak di gedung beli-belah terkenal di ibu negara ketika itu, Emporium Selangor yang terletak di Jalan Batu (kini Jalan Tuanku Abdul Rahman).

"Saya dan rakan sekerja bersiap-siap untuk pulang ke rumah selepas menamatkan syif pagi sekitar pukul enam petang. Tiba-tiba kedengaran bunyi riu-rendah dan suara orang bertempik di luar," katanya.

Dalam kebingungan dan termangu-mangu, Lim menyaksikan segerombolan lelaki sedang melakukan kekecohan di jalanan secara agresif.

Melihat kekalutan yang berlaku, pihak pengurusan tempat Lim berkerja mengambil keputusan untuk menutup pintu utama dan tidak mengizinkan pekerja keluar dari premis kedai.

Dalam perjalanan pulang menaiki trak polis ke rumah yang terletak di Jalan Haji Taib, Lim tidak mampu untuk melihat dengan jelas suasana ketika itu kerana keadaan jalan yang berbalam-balam diselubungi asap.

Melalui seorang rakan, Lim diberitahu dia terlihat mayat seorang wanita kelihatan terdampar di jalan dalam keadaan menyayat hati.

Tambah Lim, kawasan Jalan Chow Kit ketika itu tidak seperti sekarang yang dipenuhi dengan kompleks kedai tetapi adalah kawasan perkampungan didiami masyarakat berbilang bangsa. Lim dan orang tuanya tinggal berjalan dengan keluarga berbangsa Melayu dan India.

"Sehingga sekarang saya tak faham kenapa kejadian menyedihkan seperti itu boleh terjadi. Saya dilahirkan dan dibesarkan di Kuala Lumpur dan apabila diingat kembali perintah berkurung yang terpaksa saya sekeluarga lalui, perit sungguh rasanya. Hendak keluar bekerja atau membeli makanan pun susah malah saya sekeluarga terpaksa berpusing," katanya.

Namun Perhimpunan BERSIH 3.0 yang diadakan pada 28 April lalu bagaikan mengimbuai kembali trauma yang terpaksa dilalui suatu ketika dulu. Rasa terkejut melihat tragedi hitam sejarah negara itu seakan dijemput kembali oleh individu tidak ber-

TRAUMA DIKURUNG SEMINGGU



Majikan bimbangkan keselamatan kami ketika itu yang rata-ratanya wanita. Saya dan rakan sekerja berkurung dalam kedai selama lebih 48 jam. Hanya selepas mendapat bantuan pihak polis dari Balai Polis Jalan Campbell, barulah kami semua dibenarkan keluar"

Lim

tanggungjawab.

"Pada hari kejadian saya masih di kedai menjalankan perniagaan seperti biasa meskipun banyak kedai tidak dibuka kerana rata-rata peniaga bimbang-kan keselamatan diri mereka.

"Saya keluar bekerja untuk cari rezeki serta tak mahu menghampakan pelanggan setia yang selalu datang membeli bunga. Saya menjual tujuh jenis bunga yang biasanya dibeli orang untuk dibuat ubat," katanya.

Tegas Lim, setiap insan di muka bumi ini perlu hidup hormat-menghormati dan setiap individu mempunyai kewajipan kepada keluarga, rakan-taulan, jiran tetangga mahupun negara.

"Saya tak suka menyusahkan orang dan itulah pendirian saya sejak dulu. Selagi saya boleh keluar rumah dengan aman demi untuk sesuap nasi, saya sudah teramat bersyukur," katanya.

Sengketa yang berlaku menimbulkan amarah sehingga mencetuskan tragedi berdarah 13 Mei 1969. Jika sebelum ini

pung tergedai.

Mengimbuai kembali tragedi hitam yang berlaku empat dekad lalu, Eng Huat, 64, yang ketika itu berusia awal 20-an mengakui masih keliru dengan kegemparan yang menyelubungi ibu negara.

"Saya masih muda dan masih lagi tidak faham suasana politik ketika itu. Apa yang pasti saya tersepit di tengah-tengah menjadi mangsa rasa tidak puas hati dua puak yang berbeza fikiran dan pendapat," katanya.

Eng Huat yang terperangkap di Jalan Batu dalam perjalanan pulang ke rumah orang tuanya di Kem Batu Empat (kini Kem Batu Kentomen) di Jalan Ipoh.

Penjual mi dan kuetiau ini tidak dapat meneruskan perjalanan pulang berikutan rusuhan yang berlaku. Bersama sekumpulan pemuda berbangsa Cina, Eng Huat ditempatkan di sebuah kompleks pangsapuri di Jalan Batu oleh pihak berkuasa yang berusaha untuk mengawal keadaan.

"Suasana ketika itu memang menakutkan. Waktu senja dan suasana sudah gelap tapi nampak percikan api serta asap berkepul-kepul di udara. Pelbagai bunyi pekik dan jeritan kedengaran. Saya ditempatkan di situ selama tujuh hari dan langsung tidak dibenarkan keluar. Hanya selepas keadaan reda, barulah kami dibenarkan pulang" katanya.

Mendiang orang tuanya tidak menyangka Eng Huat terselamat dalam tragedi yang mengorbankan 196 nyawa itu. Upacara sembahyang dilakukan sepanjang seminggu kehilangannya bagi mendoakan



Eng Huat



Aziz Yahya

kesejahteraan bapa kepada empat cahaya mata itu.

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Sebagai warga negara pemegang kad pengenalan biru, Eng Huat bersyukur kerana masih lagi bernafas dan membina kehidupan di negara ini.

"Saya gembira tinggal di Malaysia. Saya pernah berkunjung ke negara jiran dan membuat perbandingan harga barang di sana, serba-serbi mahal dan membebankan. Berbanding di Malaysia, sekurang-kurangnya makanan yang dijual masih murah harganya," katanya.

Eng Huat sempat melahirkan rasa sedih atas kekecohan yang berlaku angkara perhimpunan BERSIH 3.0 yang baru saja berlaku. Mengambil keputusan untuk tidak berniaga pada hari itu untuk bersama keluarga di rumah, datuk kepada seorang cucu itu kecewa segelintir rakyat di negara ini tidak menyukuri nikmat keamanan yang dikecapi.

Seperti negeri dilanggar garuda. Tidak terbayang di benak Aziz Yahya, 51, kampung halaman tempatnya bermain akhirnya sunyi sepi kerana dibelenggu malapetaka rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Anak jati Kampung Baru, Aziz yang dibesarkan di rumah pusaka di Jalan Raja Muda Musa berusia lapan tahun sewaktu rusuhan kaum itu tercetus.

Aziz yang bersekolah dalam darjah dua pada sesi petang di Sekolah Jalan Raja Muda terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz digesa untuk terus pulang ke

rumah dan tidak melencong ke mana-mana oleh guru darjah.

Sesi persekolahan berakhir awal pada hari itu. Pelbagai persoalan menghujani fikiran mengenai pesanan guru untuk tidak merayau usai sesi persekolahan. Kebiasaannya Aziz dan rakan-rakan akan berkumpul untuk bermain sebelum balik ke rumah.

Dalam perjalanan pulang, Aziz melintasi kediaman Bekas Menteri Besar Selangor, Allahyham Datuk Harun Idris yang terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz.

"Saya lihat orang ramai sudah mula berkumpul di situ. Entah apa tujuannya, saya kurang pasti tapi saya dapat gambarkan suasananya tegang dan mungkin ada perkara buruk yang terjadi," katanya.

Sampai saja di rumah Aziz dilarang keras untuk keluar dari rumah oleh orang tuanya. Malam itu Aziz sekeluarga duduk berhimpun dan mendiamkan diri di rumah. Suasana sekitar hening cuma sesekali kedengaran bunyi tembakan.

Negara diisytiharkan darurat pada malam 16 Mei 1969. Selama dua minggu Aziz tidak ke sekolah dan hanya berkurung di rumah waima untuk keluar menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Baru.

"Saya difahamkan masjid ketika itu sudah bertukar menjadi markas perlindungan orang luar yang datang ke Kuala Lumpur atas urusan tertentu. Mereka terpaksa bermalam di masjid kerana tidak dibenarkan keluar kerana perintah berkurung yang diumumkan," katanya.

Pada saya peristiwa ini perlu diingati dan dijadikan pengajaran. Satu yang penting, setiap warga negara Malaysia jangan terlalu beremosi ketika membangkitkan isu perkauman, perlu jaga sensitiviti jika tidak kejadian yang sama bakal berulang termasuk perhimpunan BERSIH 3.0 baru-baru ini yang saya lihat jika tidak dibendung boleh mencetuskan keadaan huru-hara kepada negara"

Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman
Bekas Pengarah Urusan MAS

